



MOHD. Sidek Hassan dan isteri, Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussein (kanan) mengisi borang penyata banci di kediaman rasmi Ketua Setiausaha Negara di Putrajaya, semalam.

Sasar semua jabatan sedia kemudahan *online*

PUTRAJAYA 6 Julai – Kerajaan menyasarkan semua kementerian dan jabatan mempunyai kemudahan perkhidmatan dalam talian sebelum hujung tahun ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Beliau berkata, sasaran itu perlu dalam usaha menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan meningkatkan lagi produktiviti negara.

“Sehingga kini saya dimaklumkan kira-kira 50 peratus kementerian dan jabatan menyediakan kemudahan perkhidmatan dalam talian sepenuhnya.

“Bagaimanapun, ia bergantung kepada penerimaan dan kepercayaan rakyat kepada kemudahan itu kerana bagi pihak kerajaan, saya tidak melihat usaha tersebut sukar dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menjalankan proses banci secara dalam

talian di kediaman rasminya di sini hari ini.

Proses pembancian bermula hari ini hingga 22 Ogos dan melibatkan 36,000 pembanci, 3,000 penyelia.

Mohd. Sidek percaya usaha berterusan kementerian dan jabatan mewujudkan perkhidmatan dalam talian masing-masing akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada kemudahan itu.

Malah, beliau menambah, peranan media juga penting dalam meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kemudahan tersebut.

“Berdasarkan pengalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memperkenalkan e-filing, ia tidak mendapat sambutan yang baik di peringkat awal berbanding masa kini.

“Sehubungan itu, pihak penguurusan kementerian dan jabatan perlu melipatgandakan usaha mendekatkan lagi rakyat kepada kemudahan itu,” katanya.